



PEMBERITAHUAN

AWAS SCAM MESEJ MELALUI E-MEL MENGGUNAKAN IDENTITI PEMIMPIN NEGARA ATAU KETUA ORGANISASI ATAUPUN SYARIKAT

CYBERJAYA, 4 Jun 2022 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin mengingatkan orang ramai agar berhati-hati jika menerima e-mel yang menggunakan profil (nama dan gambar) pemimpin negara, ketua organisasi atau syarikat yang memberikan arahan di luar daripada kebiasaan.

Sebarang komunikasi yang diterima luar daripada kebiasaan perlulah disemak dan ditentukan kesahihannya dan tidak dikongsikan dengan mana-mana pihak. Ini bertujuan untuk mengelakkan dari menjadi mangsa kepada aktiviti yang berniat jahat dan berunsur penipuan. Penyebaran kandungan palsu boleh dikenakan tindakan perundangan di bawah Seksyen 505 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

Peringatan ini dikeluarkan hasil daripada aduan yang diterima dari orang ramai di mana terdapat e-mel yang tidak ditentusahkan telah ditangkap layar dan disebarluaskan melalui aplikasi pemesejan dalam talian.

Orang ramai diingatkan untuk membuat semakan dengan pihak yang terlibat (pihak yang profil atau identitinya digunakan) dan jangan sebarkan sebarang kandungan yang mencurigakan bagi mengelak kekeliruan umum. Laporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya telah dipastikan kandungan e-mel tersebut tidak benar atau palsu, bagi memudahkan tindakan sewajarnya diambil.

Sekiranya ada menerima e-mel yang mencurigakan, sertakan *email header* bagi e-mel tersebut semasa mengemukakan laporan kepada pihak polis. Orang ramai juga boleh membantu memberhentikan penyebaran e-mel tersebut dengan melaporkan penyalahgunaan e-mel kepada penyedia perkhidmatan e-mel seperti Gmail atau Yahoo! Mail di pautan berikut:

Gmail (Avoid and report phishing emails):

<https://support.google.com/mail/answer/8253>

Yahoo! Mail (Report abuse or spam on Yahoo):

<https://my.help.yahoo.com/kb/SLN26401.html>

www.mcmc.gov.my